



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 20/2020

PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) BERMULA 10 JUN 2020 HINGGA 31 OGOS 2020

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020. Pelaksanaan PKPP ini adalah sepertimana Perutusan Khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 Jun 2020.
2. Operasi semua kampus adalah dijalankan sepenuhnya dan staf perlu hadir bekerja di pejabat masing-masing serta mematuhi Garis Panduan Pengoperasian UMK Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).
3. Selaras dengan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6 (6) bertarikh 2 Mei 2020, staf yang mempunyai kesulitan dalam penjagaan anak iaitu masalah mendapatkan khidmat penjagaan untuk anak yang berumur 12 tahun dan ke bawah atau berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) boleh dipertimbangkan melaksanakan penggiliran antara bekerja di pejabat dan juga bekerja dari rumah atau mengikut waktu kerja anjal. Permohonan penggiliran kerja ini hendaklah dimajukan untuk kelulusan Pendaftar melalui Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) masing-masing.
4. Waktu bekerja staf pentadbiran akan kembali mengguna pakai Waktu Bekerja Fleksi (WBF) sepertimana Pekeliling Pentadbiran Bilangan 5/2020.
5. Semua warga UMK dikehendaki mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan sentiasa mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Universiti.

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 10 Jun 2020.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



MAZULA BINTI SABUDIN

Pendaftar

10 JUN 2020

s.k

- Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
- Fail Edaran